

### PENGENALAN MARA PATANI

BIL	SOALAN	JAWAPAN	ULASAN
1	<b>Apa itu MARA ?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dari segi Bahasa adalah maju kehadapan atau progresif</li> <li>- Dari segi kata, perkataan MARA adalah ringkasan dari "Majlis Syura"</li> <li>- Dari segi istilah adalah mekanisme perjuangan politik kebangsaan PATANI.</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. "Majlis Syura Patani" itu adalah tempat duduk kira bicara hal ehwal PATANI.</li> <li>2. Dalam masa perjuangan ialah Kita kiro bicara untuk dapat hak memerintah negeri PATANI.</li> <li>3. Dimasa kita memerintah nanti kira bicara hal memerintah dan membangun masyarakat Melayu PATANI berlandaskan hukum Syariah.</li> <li>4. Untuk sampai tujuan itu kita kena memperkasakan atau mengangkat MARA sebagai <ul style="list-style-type: none"> <li>- Lembaga Tinggi Politik Kebangsaan PATANI.</li> <li>- Pemegang Amanah Atas Hak Ketuanan Melayu PATANI.</li> <li>- Payung Penyatuan Bangsa Melayu PATANI.</li> </ul> </li> </ol>
2	<b>Kenapa kena ada MARA PATANI ?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Perjuangan orang PATANI belum jadi perjuangan kebangsaan PATANI.</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Untuk menjadi perjuangan orang PATANI sebagai perjuangan kebangsaan PATANI maka kita rakyat PATANI mesti memiliki "Lembaga Tinggi Politik" untuk bermesyuarat atau kira bicara mencari kesepakatan dalam membuat keputusan dan berpaktat dalam melaksanakan keputusan.</li> <li>2. "Lembaga Tinggi Politik" juga sebagai penuntut hak ketuanan Melayu PATANI dan payung penyatuan bangsa.</li> </ol>
3	<b>Mandat siapa menu buhkan MARA ?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Penubuhan MARA PATANI adalah satu inisiatif.</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penubuhan MARA PATANI adalah tiada mandat dari mana-mana pihak apatah lagi dari pihak penjajah Thai.</li> <li>2. Penubuhan MARA PATANI adalah inisiatif dari kumpulan-kumpulan gerakkan pembebasan PATANI</li> </ol>

			<p>yang dihasilkan dari perbincangan yang diadakan pada 13hb – 15hb Mac 2015 di Selangor Malaysia.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>3. Pada awalnya adalah inisiatif dari pihak BRN. <i>(Rujuk pada dokumentasi penubuhan MARA PATANI)</i></li> <li>4. Objektif penubuhan MARA PATANI secara tersurat ada 5 objektif pada awalnya untuk menghidupkan proses damai, dan yang tersiratnya pula adalah untuk menyelamatkan pejuang-pejuang PATANI yang ada disini setelah Ust Hassan Toyib mengistiharkan beliau ialah mantan ketua perundingan BRN. <i>(Rujuk pada dokumentasi penubuhan MARA PATANI)</i></li> <li>5. Untuk memberi nafas baru kepada perjuangan gerakkan-gerakkan pembebasan PATANI yang hidup segan mati tak mahu.</li> </ol>
4	<b>Apakah bentuk perjuangan MARA PATANI ?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bentuk perjuangan MARA PATANI ialah aksi politik untuk penyelesaian konflik PATANI.</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penyelesaian politik adalah titik akhir perjuangan menuntut hak ketuanan Melayu PATANI.</li> <li>2. Hak ketuanan Melayu PATANI yang utama dan pertama yang harus dituntut ialah hak kuasa memerintah Negeri PATANI dan membina bangsa oleh rakyat PATANI sendiri.</li> <li>3. Wakil-wakil pejuang duduk bersama dalam MARA PATANI mencari solusi politik penyelesaian yang menyeluruh adil dan berkekalan bagi mendapatkan kuasa mentadbir Negeri PATANI DARUSSALAM.</li> </ol>
5	<b>Siapa anggota MARA PATANI ?</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Wakil-wakil pejuang PATANI yang bersenjata dan yang tidak bersenjata.</li> </ul>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Wakil-wakil pejuang yang bersenjata seperti dari BRN, BIPP, Pulo, Mujahidin dan lain-lain.</li> <li>2. Wakil-wakil pejuang yang tidak bersenjata ialah wakil pemuda, wanita, NGO, CSO, Ahli akademik, Ahli</li> </ol>

			Profesional, Etnik komuniti PATANI dan lain-lain yang difikirkan patut diikut sertakan dalam mesyuarat MARA PATANI.
6	<b>Apakah Visi perjuangan MARA PATANI ?</b>	- Hak ketuanan Melayu PATANI sebagai asas pentadbiran PATANI DARUSSALAM.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memerintah negeri PATANI mesti berorientasikan kepada jati diri bangsa Melayu PATANI.</li> <li>2. Bangsa Melayu PATANI ialah penganut AGAMA ISLAM dan tujuan hidupnya ialah membangun sebuah masyarakat yang adil dan makmur dengan harapan mendapat keredhaan ALLAH.</li> <li>3. Memerintah negeri dan membina masyarakat PATANI hendaklah berlandaskan syariat Islam yang sumber hukumnya AL-Quran, Hadis, Ijmak Ulamak dan Kias.</li> </ol>
7	<b>Apakah MISI perjuangan MARA PATANI ?</b>	- Misi perjuangan MARA ialah menyatu rakyat menyelaraskan perjuangan kebangsaan PATANI.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mekanisma penyatuan rakyat PATANI ialah dengan kita memperkasakan MARA PATANI sebagai "Lembaga Tinggi Politik", "Pemegang Amanah Atas Hak Ketuanan" dan "Payung Penyatuan Bangsa".</li> <li>2. Pelaksanaan Misi MARA PATANI ialah dengan cara bergerak sasaran aktif.</li> <li>3. Kaedah pelaksanaan Misi ialah dengan memberitahu, mengubah sikap dan mengerakkan "C.B.S.A".</li> </ol>